

UCAPAN BELANJAWAN TAHUN 1998

Oleh

**Y.A.B DATO' SERI ANWAR IBRAHIM
MENTERI KEWANGAN MALAYSIA
BAGI MEMBENTANGKAN RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN (1998) DI DEWAN RAKYAT
PADA 17 OKTOBER 1997**

Tuan Yang DiPertua,

Saya mohon mencadang supaya suatu Rang Undang-Undang bertajuk "**Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1998 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan tahun itu**" dibacakan bagi kali yang kedua.

MUKADIMAH

Tuan Yang DiPertua,

Empat tahun lalu, tatkala ekonomi Malaysia memasuki tahun ke-enam pertumbuhan yang tangkas dan menyakinkan, saya mengingatkan Dewan ini supaya jangan alpa dalam kesenangan dan kemakmuran. Sebaliknya, kita harus sentiasa waspada khususnya terhadap **putaran kemakmuran** dan kemelesetan dalam ekonomi. Saya sarankan kita mengambil iktibar dari kisah Nabi Yusuf a.s., tentang tujuh tahun kemarau yang melanda Mesir selepas menikmati tujuh tahun subur; dan tujuh tahun yang subur dijadikan kesempatan untuk membuat persiapan menghadapi tujuh tahun kemarau.

"Yusuf berkata: Hendaklah kamu menanam bersungguh-sungguh tujuh tahun berturut-turut, kemudian apa yang kamu ketam biarkanlah dia pada tangkai-tangkainya; kecuali sedikit dari bahagian yang kamu jadikan untuk makan. Kemudian akan datang selepas tempoh itu, tujuh tahun yang bersangat kemaraunya, yang akan menghabiskan makanan yang kamu sediakan baginya; kecuali sedikit dari apa yang kamu simpan."

(Surah Yusuf:47-48)

Pada tahun itu, disebutkan meskipun putaran kemakmuran dan kemelesetan kerap datang silih berganti dalam mana-mana sistem ekonomi, ia bukan hukum mutlak yang tidak dapat dielak. Bahkan kemewahan boleh bertukar menjadi kegersangan, justeru kerana manusia sering cuai dan alpa, boros dan berfikiran singkat dalam perancangan. Iktibar dari kisah Nabi Yusuf a.s. ialah kita perlu menggunakan kebijaksanaan dan sentiasa berhemat berbelanja untuk membina ketahanan bagi menangani segala cabaran mendatang.

Pada tahun 1995, sekali lagi kami ulangi, di Dewan ini supaya mengingat anjuran Nabi Yusuf a.s. tersebut. Ditegaskan bahawa perancangan dan pengurusan ekonomi, dalam keadaan ekonomi teguh tidak menyebabkan kita terlalu selesa. Bahkan kita perjas falsafah pembangunan ke arah pertumbuhan dan keadilan. Dalam suasana sedemikianlah mampu kita curahkan sebegitu banyak projek membela nasib golongan miskin, membangung prasarana kawasan desa, membina rumah kos rendah serta meringankan beban cukai rakyat. Kita dapat menangani kebanyakan masalah dan mengambil langkah proaktif sebaik sahaja kelihatan petanda awal. Dan kita

perlu terus menerus memiliki kewaspadaan sebegini untuk menghadapi cabaran-cabaran terbaru dan tidak terduga.

Kini dugaan getir itu tiba; mendadak sekali ia melanda. Malaysia dan keseluruhan negara-negara ASEAN dicengkam krisis kejatuhan nilai mata wang dan pasaran modal masing-masing. Sistem kewangan Thailand yang agak rapuh menghadapi tekanan dan keadaan bertambah gawat setelah menjadi mangsa serangan dan manipulasi mata wang oleh pengurus dana asing. Nilai baht berbanding dolar AS jatuh merudum sebanyak 29.3 peratus pada 15 Oktober daripada parasnya pada 1 Julai 1997. Bagi tempoh yang sama, nilai rupiah Indonesia jatuh sebanyak 31.8 peratus, peso Filipina sebanyak 21.9 peratus dan dolar Singapura 7.6 peratus. Nilai ringgit pula merosot sebanyak 20.1 peratus. Kemelut yang sama merebak ke pasaran saham. Dalam tempoh yang sama, indeks pasaran saham Manila menjunam sebanyak 27.5 peratus, Jakarta sebanyak 29.1 peratus dan Kuala Lumpur sebanyak 25.7 peratus. Manakala Indeks pasaran saham Bangkok jatuh sebanyak 19.8 peratus di antara akhir Disember 1996 hingga 1 Julai 1997. Sementara pasaran saham Malaysia mengalami kerugian nilai sebanyak 21.9 peratus, yakni RM162.96 billion.

Yang anehnya ialah rantau ini diserang krisis mata wang tatkala ekonomi dunia secara keseluruhannya semakin mantap. Pertumbuhan perdagangan dunia meningkat kepada 7.7 peratus dalam tahun ini. Pertumbuhan negara-negara perindustrian utama (G7) meningkat dari 2.4 peratus tahun lalu kepada 2.9 peratus tahun ini. Ekonomi Amerika Syarikat memasuki tahun pertumbuhan yang ketujuh. Namun, perkembangan tersebut tidak menjamin sistem tukaran mata wang antarabangsa yang teguh. Dalam awal 1990an, nilai yen meningkat kuat berbanding dengan dolar AS. Antara Mei 1990 hingga April 1995, nilai yen meningkat sebanyak 81 peratus. Pengukuhan nilai yen membantu menjana pertumbuhan ekonomi Asia Tenggara yang rancak kerana nilai yang terlalu kuat menyebabkan syarikat-syarikat Jepun kehilangan daya saing dan mendorong mereka memindahkan unit pengeluarannya ke luar Jepun, terutamanya ke rantau ini.

Tetapi sejak April 1995 **angin bertiup secara songsang**. Nilai yen berbanding dengan dolar AS menjunam sebanyak 30.4 peratus seterusnya menghilangkan dorongan bagi Jepun untuk melabur ke luar. Oleh kerana itu, pelaburan Jepun ke Asia Tenggara merosot. Kemerostan aliran masuk modal menyebabkan pembiayaan defisit akaun semasa yang besar dikebanyakan negara rantau ini menjadi satu masalah. Sebahagian mereka membuat pinjaman luar untuk menampung kemerostan aliran masuk modal dalam bentuk pelaburan asing langsung (DFI). Sebahagian besar pinjaman dana asing adalah dalam dolar AS untuk mengambil keuntungan daripada kadar faedah yang berbeza. Tetapi pembayaran semula pinjaman asing menjadi beban apabila dolar AS bertambah kukuh berbanding yen. Kebanyakan mata wang negara-negara ini dikaitkan dengan dolar AS. Kesulitan awal itu menjadi kemelut apabila pinjaman mata wang asing digunakan untuk membiayai pembelian dan pembangunan hartanah. Apabila sektor hartanah menjadi lembap, keutuhan institusi kewangan yang memberikan pinjaman berlebihan kepada sektor hartanah turut terugat.

Pengukuhan dolar AS sejak April 1995 turut menghakis daya saing eksport rantau ini kerana sebahagian besar import barangan perantaraan bersandarkan dolar AS. Akibat dari kemerostan eksport dan aliran masuk modal, pertumbuhan pengeluaran sebenar tahun lalu dan awal tahun ini merosot. Nilai aset yang kian merosot mendedahkan institusi kewangan yang memberi pinjaman berlebihan kepada sektor swasta memasuki ambang bahaya.

Berdasarkan latar belakang ini, nilai mata wang negara-negara Asia Tenggara dianggap lebih tinggi dari nilai asetya. Baht menerima tekanan jualan dalam bulan Mei dan Jun dan memaksa pengapungannya pada 2 Julai. Kesannya mendadak dan nilainya di pasaran tukaran asing jatuh merudum. Dan tekanan tersebut merebak dan melimpah ke Indonesia, Malaysia, Filipina dan Singapura. Sementara mungkin benar kadar pertukaran asing mata-mata wang Asia Tenggara memerlukan pembetulan akibat dari perubahan persekitaran ekonomi antarabangsa dan dalaman, namun begitu kadar pembetulan yang kini terjadi adalah keterlaluan. Kesan parah tersebut berlaku akibat kegiatan manipulatif dan asing yang terus menyerang pasaran dengan mengaut keuntungan berlebihan.

Kemelut kewangan Thailand telah mendorong muafakat serantau. Dalam tempoh kurang daripada dua minggu, bantuan kewangan bagi Thailand atas inisiatif Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) bernilai AS\$17.2 billion diwujudkan. Pakej kewangan ini disumbangkan sepenuhnya oleh IMF dan negara-negara Asia. Malaysia telah memberi sumbangan bernilai AS\$1 billion. Pakej kewangan ini adalah untuk memastikan Thailand mempunyai sumber kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan program menyeluruh untuk memulihkan ekonomi dan keyakinan pelabur. Dan kini, Indonesia pula telah memohon bantuan IMF dan bank Dunia.

Meskipun ekonomi Malaysia terdedah kepada keadaan tidak keruan global dan cabaran-cabaran tidak terduga, kita mampu bertahan. Insya-Allah, kita akan terus bertahan, kerana kita tidak alpa tatkala ekonomi kita kukuh. Sebaliknya, tahun-tahun cemerlang di bawah kepemimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah kita gunakan untuk melaksana langkah-langkah memperkukuh asas-asas ekonomi agar memiliki daya tahan bila berdepan dengan suasana getir. Tatkala jentera ekonomi mula panas akibat pertumbuhan tinggi, kita melaksanakan langkah fisisal tegas dan dasar kewangan yang ketat untuk mengawal inflasi. Kita berbelanja dengan cermat dan berhemat meskipun pendapatan Kerajaan terus bertambah.

Bukti asas ekonomi yang kukuh dilihat dari Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNGK) yang dijangka tumbuh bagi tahun kesepuluh berturut-turut sebanyak 8 peratus pada tahun ini. Kadar inflasi kekal rendah pada paras 3 peratus. Kadar tabungan merupakan antara yang tertinggi di dunia, iaitu 39.8 peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK). Semenjak 1993, kewangan kerajaan telah mencatat lebihan keseluruhan terus menerus selama lima tahun, termasuk lebihan RM5.066 bilion atau 1.9 peratus dari KNK tahun ini. Rizab negara pada 30 September 1997 masih tinggi berjumlah RM61.9 bilion yang boleh membiayai 3.7 bulan import tertangguh.

Satu langkah penting yang kita lakukan di tahun-tahun yang subur ialah prapembayaran, yakni, membayar hutang meskipun tempoh lunas masih belum tiba. Kini hutang luar kerajaan berada di tahap yang rendah sebanyak RM10.4 bilion. Langkah bijak sejak tahun 1987, menghentikan amalan boros dan suka berhutang menyelamatkan kita dari beban pembayaran hutang yang bertambah akibat dari kejatuhan nilai ringgit. Prapembayaran mula dilakukan tahun 1987 dan dibuat melalui pinjaman dalam negeri. Hanya mulai 1992 prapembayaran dibuat dengan menggunakan lebihan belanjawan Kerajaan Persekutuan. Jumlah prapembayaran yang telah dibuat sejak 1987 hingga 1997 ialah RM16.5 bilion. Berikutan ini, nisbah bayaran khidmat hutang negara (DSR) berkurangan dari 18.9 peratus pada tahun 1986 kepada 6.8 peratus tahun ini. Hutang luar negara juga berkurangan daripada 75.6 peratus dari KNK kepada 33.3 peratus dalam tempoh yang sama.

CABARAN SEMASA EKONOMI MALAYSIA

Cabaran terbesar ekonomi semasa ialah untuk tambah mengukuhkan asas-asas ekonomi dan keyakinan. Permasalahan utama yang perlu ditangani ialah defisit dalam akaun semasa imbalan pembayaran. Defisit kita agak ketara pada tahun 1995 iaitu 10.5 peratus daripada KNK tetapi berjaya dikurangkan kepada 5.2 peratus tahun lalu. Pada tahun ini, defisit dijangka susut kepada 5 peratus. Walau bagaimanapun, langkah-langkah segera yang lebih tegas dan berani diperlukan. Masalah dalam imbalan pembayaran disebabkan oleh defisit berterusan akaun perkhidmatan sementara import barangan pula mencatat peningkatan ketara. Import barangan perantara bagi sektor perkilangan adalah tinggi iaitu sebanyak 66 peratus daripada jumlah import. Import barangan modal juga tinggi iaitu 19 peratus daripada jumlah import. Sebahagian besarnya disebabkan oleh import bertimbun seperti kapal terbang dan kapal, bertujuan untuk mengembangkan kapasiti sektor perkhidmatan negara. Eksport pula, perkembangannya lebih perlahan disebabkan oleh pertumbuhan eksport barangan perkilangan yang kurang menggalakkan berikutan kejatuhan harga di pasaran antarabangsa.

Defisit besar dalam akaun semasa imbalan pembayaran mencerminkan pendapatan pertukaran asing tidak dapat membiayai sepenuhnya pembayaran transaksi dengan negara luar. Defisit akaun semasa juga mencerminkan wujud jurang tabungan pelaburan di mana jumlah tabungan dalam negeri tidak mencukupi untuk membiayai sepenuhnya pelaburan. Ini mengakibatkan negara bergantung kepada pinjaman luar.

Sistem perbankan negara terus teguh. Keuntungan sebelum cukai sistem perbankan meningkat 27.5 peratus dalam tahun kewangan lalu. Nisbah purata kecukupan modal bagi bank perdagangan ialah 11.8 peratus, bank saudagar 13.3 peratus, manakala syarikat-syarikat kewangan 10.6 peratus, kesemuanya lebih tinggi daripada standard antarabangsa iaitu 8 peratus. Nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) sistem perbankan telah berkurangan daripada 3.9 peratus pada hujung tahun 1996 kepada 3.6 peratus pada akhir Jun 1997. Pulangan ke atas aset oleh bank perdagangan pada kadar 1.8 peratus adalah setanding dengan pulangan yang diterima oleh bank-bank utama antarabangsa lain. Sokongan modal dan rizab yang kukuh akan memastikan sistem perbankan kita kekal teguh.

Namun begitu, sistem perbankan masih perlu diperkukuhkan. Keterdedahannya kepada sektor hartanah perlu dikawal supaya sistem perbankan kita tidak terjejas jika berlaku sebarang penyesuaian harga dalam pasaran hartanah, khususnya bangunan-bangunan perniagaan yang mungkin mengalami lebihan penawaran. Pemberian pinjaman untuk perolehan saham dan penggunaan saham sebagai sandaran untuk mendapatkan pembiayaan juga perlu dikawal.

Ekonomi negara sedang memasuki era peralihan. Hala tuju ekonomi kita semakin tercabar dengan pelbagai ketidakpastian. Pergolakan dalam pasaran kewangan menguji ketahanan ekonomi serta keberkesanan dasar. Sementara membuat penyesuaian kepada aliran perkembangan ekonomi dan kewangan dunia, kita juga perlu mengambil prakarsa konkrit untuk mengukuhkan lagi asas-asas ekonomi bagi menghadapi tekanan dan kejutan luar. Di samping itu, pertumbuhan ekonomi antarabangsa dijangka bertenaga dan terpanas dalam dekad ini. Pengukuhan ekonomi beberapa negara perindustrian, terutamanya AS dan Eropah, akan memberi rangsangan kepada ekonomi pengukuhan ekonomi rantau.

Kita harus tabah menghadapi cabaran ini. Tanggungjawab memulihkan keadaan dan meletakkan ekonomi negara di atas landasan kukuh untuk mencapai tahap negara maju harus menjadi tanggungan bersama. **Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.** Kita akan berjaya sekiranya kita bijaksana, berakhlak dan berani. Seperti

mana yang ditegaskan oleh filasuf Kung Fu Tze: *"Yang bijaksana tidak keliru. Yang berakhlak tidak gundah gulana. Yang berani tidak gentar"*.

STRATEGI BELANJAWAN 1998

Ekonomi Malaysia berada di persimpangan jalan. **Tersilap langkah, antan patah lesong hilang** (orang lain mungkin mengambil kesempatan menelah: double jeopardy). Daya tahan kita diuji. Tetapi seperti kata Perdana Menteri: Kita jangan panik atau gelabah. Yang perlu ialah disiplin dan kecekalan. Janganlah sekadar menanti habuan dan untung dan lupa manfaat yang diperolehi sebelum ini. Jangan pula kita tersadai dan lemah tak bermaya **seperti ayam dimakan tungau**. Pemimpin dan rakyat, sektor awam dan swasta perlu bermuafakat; seperti yang dianjurkan dalam perbilangan adat:

***Kelebihan Nabi dengan mukjizat
Kelebihan umat dengan muafakat
Bulat air kerana pembentung
Bulat manusia kerana muafakat
Air melurut dengan bandarnya
Benar melurut dengan muafakatnya***

Kita harus sedar bahawa ekonomi Malaysia sedang mangsang ke arah kematangan. Perlu ada anjakan dalam pendekatan. Ekonomi yang matang tidak memerlukan kadar pertumbuhan yang tinggi. Yang afdal ialah kadar pertumbuhan yang mapan dan asas-asas yang kukuh. Tugas kita sekarang ialah menjamin kemantapan ekonomi makro, terutama dari segi imbalan pembayaran, kadar inflasi serta keutuhan kewangan kerajaan dan swasta. Inilah sasaran belanjawan, ke arah mengukuh asas ekonomi, menjana keyakinan, meningkat produktiviti dan menambah eksport. Apabila asas-asas semakin kukuh kita boleh memacu pertumbuhan dan suasana ekonomi matang dan meluru untuk menjayakan hasrat Wawasan 2020. Maka strategi Belanjawan 1998 ialah:

- (i) Memperteguh asas ekonomi dan menstabil pasaran kewangan;
- (ii) Mengekalkan pertumbuhan mapan;
- (iii) Meneruskan proses deregulasi dan liberalisasi ekonomi; dan
- (iv) Meneruskan agenda sosial bagi pembangunan yang lebih menyeluruh.

MEMPERTEGUH ASAS EKONOMI

Memandangkan pasaran kewangan mendatar, pengurusan ekonomi akan memberi keutamaan kepada usaha-usaha untuk merangsang keyakinan. Tumpuan utama adalah bagi merencanakan kembali pasaran pertukaran asing dan pasaran saham. Kerajaan akan terus mengalu-alukan kemasukan pelabur asing, terutamanya pelaburan jangka panjang dengan mewujudkan pakatan bijak antara pelabur-pelabur tempatan dengan pelabur-pelabur asing.

Mengukuh Imbalan Pembayaran

Defisit akaun semasa akan dapat disusutkan melalui pengurangan import dan peningkatan eksport barangan dan perkhidmatan. Penggunaan barang-barang tempatan perlu ditingkatkan dan semua agensi awam dan syarikat kerajaan telah diarah untuk bertindak segera. Pengeluar-pengeluar tempatan diberi amaran supaya

mana yang ditegaskan oleh filasuf Kung Fu Tze: *"Yang bijaksana tidak keliru. Yang berakhlak tidak gundah gulana. Yang berani tidak gentar"*.

STRATEGI BELANJAWAN 1998

Ekonomi Malaysia berada di persimpangan jalan. **Tersilap langkah, antan patah lesong hilang** (orang lain mungkin mengambil kesempatan menelah: double jeopardy). Daya tahan kita diuji. Tetapi seperti kata Perdana Menteri: Kita jangan panik atau gelabah. Yang perlu ialah disiplin dan kecekalan. Janganlah sekadar menanti habuan dan untung dan lupa manfaat yang diperolehi sebelum ini. Jangan pula kita tersadai dan lemah tak bermaya **seperti ayam dimakan tungau**. Pemimpin dan rakyat, sektor awam dan swasta perlu bermuafakat; seperti yang dianjurkan dalam perbilangan adat:

Kelebihan Nabi dengan mukjizat
Kelebihan umat dengan muafakat
Bulat air kerana pembentung
Bulat manusia kerana muafakat
Air menurut dengan bandarnya
Benar menurut dengan muafakatnya

Kita harus sedar bahawa ekonomi Malaysia sedang mangsang ke arah kematangan. Perlu ada anjakan dalam pendekatan. Ekonomi yang matang tidak memerlukan kadar pertumbuhan yang tinggi. Yang afdal ialah kadar pertumbuhan yang mapan dan asas-asas yang kukuh. Tugas kita sekarang ialah menjamin kemantapan ekonomi makro, terutama dari segi imbalan pembayaran, kadar inflasi serta keutuhan kewangan kerajaan dan swasta. Inilah sasaran belanjawan, ke arah mengukuh asas ekonomi, menjana keyakinan, meningkat produktiviti dan menambah eksport. Apabila asas-asas semakin kukuh kita boleh memacu pertumbuhan dan suasana ekonomi matang dan meluru untuk menjayakan hasrat Wawasan 2020. Maka strategi Belanjawan 1998 ialah:

- (i) Memperteguh asas ekonomi dan menstabil pasaran kewangan;
- (ii) Mengekalkan pertumbuhan mapan;
- (iii) Meneruskan proses deregulasi dan liberalisasi ekonomi; dan
- (iv) Meneruskan agenda sosial bagi pembangunan yang lebih menyeluruh.

MEMPERTEGUH ASAS EKONOMI

Memandangkan pasaran kewangan mendatar, pengurusan ekonomi akan memberi keutamaan kepada usaha-usaha untuk merangsang keyakinan. Tumpuan utama adalah bagi merencanakan kembali pasaran pertukaran asing dan pasaran saham. Kerajaan akan terus mengalu-alukan kemasukan pelabur asing, terutamanya pelaburan jangka panjang dengan mewujudkan pakatan bijak antara pelabur-pelabur tempatan dengan pelabur-pelabur asing.

Mengukuh Imbalan Pembayaran

Defisit akaun semasa akan dapat disusutkan melalui pengurangan import dan peningkatan eksport barangan dan perkhidmatan. Penggunaan barang-barang tempatan perlu ditingkatkan dan semua agensi awam dan syarikat kerajaan telah diarah untuk bertindak segera. Pengeluar-pengeluar tempatan diberi amaran supaya

tidak gelojoh mengambil kesempatan dengan menaikkan harga barangan dan perkhidmatan dalam negeri. Para pengeksport juga perlu mengurangkan kos pengeluaran tanpa menjejaskan mutu supaya daya saing meningkat.

Meningkat Daya Saing Eksport

Prestasi eksport negara terutama barangan perkilangan, telah terjejas sejak pertengahan tahun 1996 disebabkan kejatuhan harga berikutan sengitnya persaingan di pasaran antarabangsa. Kita terpaksa lebih agresif dalam usaha mengurangkan kos urus niaga dalam negeri bagi memperkuat daya saing dan merangsang eksport. Kita perlu bersaing sengit dengan pengeluar-pengeluar barangan perkilangan berkos rendah, seperti China dan Vietnam. Kenaikan upah yang melebihi peningkatan produktiviti perlu dikawal. Kerajaan sedang mengkaji langkah-langkah bagi memastikan kos urus niaga di negara ini tidak menjejaskan daya saing pengeksport dan dapat menarik pelabur asing.

Keadaan ekonomi sekarang menuntut sektor swasta lebih proaktif untuk memajukan eksport barangan dan perkhidmatan. Para pengeksport harus bijak mengambil manfaat daripada kejatuhan nilai ringgit. Untuk membantu sektor swasta dalam usaha-usaha tersebut, saya mencadangkan supaya syarikat dalam sektor perkilangan, pertanian dan perkhidmatan diberi galakan cukai berdasarkan nilai peningkatan eksport:

- (i) bagi sektor perkilangan, syarikat yang mengeksport keluaran yang mempunyai nilai ditambah 30 peratus diberi pengecualian cukai pendapatan sebanyak 10 peratus daripada nilai peningkatan eksport, manakala syarikat yang mengeksport keluaran yang mempunyai nilai ditambah 50 peratus pula akan diberi pengecualian cukai pendapatan sebanyak 15 peratus daripada nilai peningkatan eksport; dan

(ii) bagi sektor pertanian dan perkhidmatan, syarikat diberikan satu tahap pengecualian cukai pendapatan iaitu sebanyak 10 peratus daripada nilai peningkatan eksport. Keluaran pertanian yang layak ialah buah-buahan dan bunga-bunga segar. Perkhidmatan yang layak pula termasuk perkhidmatan kesihatan, pendidikan dan perkhidmatan profesional.

Penyediaan perkhidmatan penggudangan yang moden akan membantu sektor swasta mengurangkan kos mengeksport keluarannya. Dari situ, saya mencadangkan bangunan penggudangan yang digunakan untuk tujuan eksport dan eksport semula diberikan elaun bangunan khas sebanyak 10 peratus setahun. Cadangan ini akan membolehkan bangunan penggudangan disusut nilai sepenuhnya dalam jangka masa 10 tahun berbanding 45 tahun yang diamalkan sekarang. Di samping galakan ini, prosedur kastam berkaitan dengan eksport akan dipermudahkan.

Mengurangkan Import

Import barangan modal dan perantaraan merupakan 67.2 peratus daripada KDNK. Kegiatan ekonomi khususnya sektor perkilangan terlalu bergantung kepada barangan modal dan perantaraan yang diimport. Untuk mengurangkan pergantungan tersebut, keupayaan pengeluaran tempatan bagi menggantikan import harus digiatkan. Bahkan, seperti mana yang ditegaskan dalam belanjawan terdahulu, banyak jentera yang masih boleh diguna telah tersadai kerana kecenderungan syarikat mengimport jentera baru.

Bagi mengelakkan pembaziran jentera, kerajaan telah mengenakan duti import di antara 5 peratus hingga 20 peratus ke atas jentera berat seperti jentolak, penggali

tanah dan pelantak cerucuk. Sebagai langkah berterusan untuk membendung import dan bagi mengukuhkan industri negara seperti industri kejuruteraan dan mesin dan bahan binaan, saya mencadangkan:

(i) semua import jentera berat untuk sektor pembinaan perlu mendapat kelulusan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Kelulusan hanya diberi bagi jentera yang tidak terdapat di dalam negara;

(ii) duti import ke atas bahan binaan seperti jubin, batu marmar, besi dan keluli dinaikkan daripada di antara 5 peratus dan 25 peratus kepada di antara 10 peratus dan 30 peratus;

(iii) duti import sebanyak 5 peratus dikenakan ke atas jentera berat dan peralatan seperti kren menara, forklif dan eskalator;

(iv) duti import ke atas lori pembuang dan kenderaan seumpamanya dinaikkan daripada sifar dan 30 peratus kepada 50 peratus;

(v) duti import ke atas kenderaan kegunaan khas seperti lori kren dan lori pembancuh konkrit dinaikkan daripada 35 peratus kepada 50 peratus; dan

(vi) kadar kadar elaun permulaan bagi jentera berat yang diimport dikurangkan daripada 20 peratus kepada 10 peratus dan elaun tahunan dikurangkan daripada 12 peratus dan 20 peratus kepada 10 peratus.

Kita menyeru pihak swasta supaya mengurangkan pembelian barangan import dan menggunakan barangan tempatan sebanyak mungkin. Sektor perbankan pula perlu mengawas teliti pinjaman bagi membiayai projek-projek swasta yang kurang produktif. Kegiatan pelaburan digalakkan dalam sektor-sektor lebih produktif termasuk:

- meningkatkan pendapatan tukaran asing;
- produktiviti dan daya saing;
- penggunaan automasi dan teknologi tinggi. Di samping itu, sektor swasta harus turut mendukung dasar mengurangkan import, menggalakkan penggunaan input tempatan; dan
- mengurangkan pertindihan pelaburan melalui percantuman dan penyatuan, misalnya di sektor telekomunikasi.

Import barangan penggunaan masih tinggi iaitu sebanyak 12 peratus daripada jumlah import, dan perlu dikurangkan. Penggunaan barangan keluaran Malaysia yang bermutu kini telah berjaya menembusi pasaran eksport. Sehubungan ini, saya mencadangkan supaya duti import ke atas beberapa barangan penggunaan yang kebanyakannya dikeluarkan di dalam negara dinaikkan daripada 25 peratus kepada 30 peratus. Di antara barangan ini ialah peti sejuk, pembersih hampagas, ketuhar gelombang mikro dan mesin penggilap lantai.

Jenama Tempatan

Di samping membendung import, usaha hendaklah diambil bagi menggalakkan penggunaan barangan berjenama tempatan, kerana sebahagiannya telahpun berjaya menembusi pasaran eksport. Untuk memperluaskan pemasaran, saya mencadangkan supaya perbelanjaan periklanan dalam negeri diberi potongan dua kali bagi maksud cukai pendapatan sebagai tambahan kepada galakan cukai yang sedia ada. Perbelanjaan bagi pengiklanan barangan ini di luar negara telahpun diberi potongan dua kali.

Cukai Ke atas Kenderaan Bermotor

Nampaknya dikalangan **saudagar kaya**, sukar dipujuk untuk membeli barangan tempatan. Mereka kata barangan buatan tempatan itu kodi. Mereka suka menayang dengan kereta mewah. Justeru itu, import kenderaan mewah bertambah. Jadi tidak ada jalan lain kecuali meninggikan duti import. Dengan itu, saya mencadangkan supaya duti import ke atas kenderaan bermotor terutama jenis mewah; iaitu kereta, van, pacuan 4 roda dan motosikal, sama ada dalam bentuk siap dipasang (CBU) atau dalam bentuk komponen tercurai (CKD) dinaikkan seperti berikut:

(i) duti import ke atas kereta CBU dinaikkan daripada di antara 140 peratus dan 200 peratus kepada di antara 140 peratus dan 300 peratus, manakala duti import ke atas CKD dinaikkan daripada 42 peratus kepada tahap maksimum 80 peratus;

(ii) duti import ke atas van CBU dinaikkan daripada 35 peratus kepada di antara 42 peratus dan 140 peratus manakala duti import ke atas CKD dinaikkan daripada 6 peratus kepada tahap maksimum 40 peratus;

(iii) duti import ke atas kenderaan pacuan 4 roda dan kenderaan pelbagai guna dalam bentuk CBU dinaikkan daripada 50 peratus kepada di antara 60 peratus dan 200 peratus, manakala duti import ke atas CKD dinaikkan daripada 5 peratus kepada tahap maksimum 40 peratus;

(iv) duti import ke atas motosikal CBU dinaikkan daripada 60 peratus kepada di antara 80 peratus dan 120 peratus, manakala duti import ke atas CKD dinaikkan daripada 5 peratus kepada tahap maksimum 30 peratus; dan

(v) di samping itu, duti eksais dinaikkan daripada tahap maksimum 20 peratus kepada tahap maksimum 60 peratus. Cukai jualan sebanyak 10 peratus dikenakan ke atas motosikal yang kapasiti enjinnya melebihi 200 c.c. Akhirnya, cukai jalan ke atas motosikal yang kapasiti enjinnya 200 c.c. ke atas dinaikkan daripada di antara RM100 Dan RM130 setahun kepada di antara RM150 dan RM400 setahun.

Sungguhpun demikian, saya ingin menegaskan bahawa kita prihatin terhadap keperluan golongan berpendapatan rendah dan peniaga kecil. Oleh itu, kenderaan yang biasa dimiliki oleh golongan ini termasuk van yang kurang daripada 1800 c.c., motosikal yang kurang daripada 200 c.c. serta yang kurang daripada 2000 c.c. tidak dicadang untuk dinaikkan cukainya.

Memajukan Lagi Sektor Perkhidmatan

Prakarsa yang diperkenalkan pada tahun-tahun lalu telah berjaya mengurangkan defisit akaun perkhidmatan imbalan pembayaran. Pada tahun 1997, eksport perkhidmatan dijangka meningkat pada kadar 13.3 peratus iaitu melebihi kadar peningkatan import perkhidmatan sebanyak 9.4 peratus. Namun begitu, usaha menjana keupayaan dan daya saing negara mengeksport dan menggantikan perkhidmatan yang diimport perlu dipergiatkan. Penggunaan perkhidmatan tempatan perlu diutamakan, terutamanya pelabuhan, perkhidmatan perkapalan dan penerbangan serta perkhidmatan juruperunding dan profesional.

Syarikat Insurans Semula Nyawa

Industri insurans mempunyai potensi tinggi untuk membantu mengukuhkan akaun perkhidmatan imbalan pembayaran. Bagi menggalakkan syarikat insurans semula nyawa mengendalikan (underait) perniagaan insurans semula hayat alir masuk asing (foreign inward life reinsurance), saya mencadangkan supaya kadar cukai konsesi 5 peratus dikenakan ke atas pendapatan daripada perniagaan ini.

Dokumen Perjalanan

Bilangan kunjungan ke luar negara rakyat Malaysia telah melonjak dan pada tahun 1996 bilangannya berjumlah 23 juta. Sungguhpun kita mempunyai dasar terbuka, bilangan ini adalah besar dan telah mengakibatkan aliran wang keluar sebanyak RM6.5 bilion. Rakyat Malaysia perlu mengurangkan perjalanan ke luar negara dan sebaliknya melawat destinasi pelancongan dalam negeri yang tidak kurang daya tarikannya. Kita perlu lebih merasa terpegun dengan keindahan alam negara - dari Melaka ke negeri Pahang, singgah ke Johor beli barangan - dari Langkawi ke Kinabalu, dari Indera Kayangan ke Gua Mulu. Sejajar dengan hasrat ini, saya mencadangkan bayaran ke atas dokumen perjalanan antarabangsa dinaikkan daripada RM145 dan RM265 kepada RM300 dan RM600 dan dokumen perjalanan terhad dinaikkan daripada RM60 kepada RM150.

Mengurangkan Pelepasan Untuk Anak Yang Belajar Di Luar Negara

Pada masa ini, ibu bapa yang menghantar anak belajar ke luar negara diberi pelepasan cukai dua kali ganda kadar pelepasan anak. Bagi membendung aliran wang keluar negara, saya mencadangkan untuk menarik balik pelepasan tambahan yang diberikan untuk anak yang belajar di institusi pengajian tinggi luar negara. Walau bagaimanapun, bagi pelajar-pelajar yang telah memulakan pengajian, pelepasan maksimum sehingga dua kali ganda akan dikekalkan sehingga pelajar-pelajar berkenaan tamat pengajian mereka. Tindakan ini tidak akan menjejaskan peluang anak-anak kita mengikuti pengajian tinggi. Saya yakin mereka boleh ditempatkan di institusi pengajian tinggi tempatan berikutan dasar menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pengajian tinggi di rantau ini. Bagi ibu bapa yang menghantar anak belajar di IPT tempatan, pelepasan cukai empat kali ganda kadar pelepasan anak dikekalkan.

Merapatkan Jurang Tabungan - Pelaburan

Sungguhpun kadar tabungan negara meningkat kepada 39.8 peratus daripada KNK, pelaburan juga bertambah pesat iaitu kepada 44.8 peratus daripada KNK. Ini menyebabkan jurang tabungan pelaburan sebanyak 5 peratus. Jurang sumber berpunca daripada bertambahnya pembiayaan pelaburan sektor swasta di mana defisit sumbernya dijangka sebanyak 10.0 peratus daripada KNK. Justeru itu, pelabur-pelabur swasta perlu mengurangkan pelaburan dalam sektor-sektor kurang produktif. Sebaliknya, sektor awam mencatatkan lebihan sumber sebanyak 5.0 peratus daripada KNK, mencerminkan kejayaan dasar fiskal berhemat yang telah berjaya mengukuhkan kewangan kerajaan.

Meningkatkan Tabungan Dalam Negeri

Sumber tabungan dalam negeri yang mencukupi adalah penting bagi membiayai projek-projek pelaburan dan mengurangkan pergantungan negara kepada sumber pembiayaan asing. Untuk meningkatkan lagi tabungan, kerajaan telah mengadakan kempen menggalakkan tabungan, di samping mewujudkan lebih banyak instrumen tabungan. Selain itu, kerajaan juga telah menambahkan had maksimum pelaburan dalam Amanah Saham Nasional dan Amanah Saham Bumiputera kepada RM200,000. Sehingga 15 Oktober 1997, Amanah saham Wawasan 2020 telah berjaya mengumpul dana sebanyak RM1,726 bilion melibatkan seramai 822,041 pelabur.

Potongan Cukai Bagi Caruman Kepada Skim Yang Diluluskan

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) diiktiraf sebagai tabung dana yang kukuh dan berwibawa. Ia akan terus melabur dengan berhemat dan mengikut peraturan yang ketat. Pada masa ini, kadar caruman maksimum kepada KWSP dan skim yang diluluskan telah diberi potongan bagi maksud cukai pendapatan sebanyak 17 peratus. Daripada jumlah itu, 12 peratus adalah caruman mandatori dan 5 peratus lagi adalah caruman sukarela. Sebagai langkah menyuburkan tabungan negara, saya mencadangkan supaya potongan cukai bagi caruman suka rela dinaikkan daripada 5 peratus kepada 7 peratus menjadikan jumlah potongan yang dibenarkan sebanyak 19 peratus.

Dasar Kewangan

Bank Negara Malaysia (BNM) akan mengawal dan berwaspada untuk memastikan institusi perbankan terus mantap. Tahap ketelitian (*prudential standards*) pasaran kewangan tempatan akan ditingkatkan supaya setanding dengan pasaran kewangan antarabangsa. Bagi mengukuhkan lagi sistem perbankan, BNM akan mengambil langkah-langkah berikut:

(i)peraturan pengelasan pinjaman tidak berbayar akan diperketatkan. Mulai tahun kewangan 1998, sebarang pinjaman yang tidak dijelaskan selama tiga bulan akan diklasifikasikan sebagai pinjaman tidak berbayar, berbanding dengan enam bulan pada masa ini;

(ii)institusi perbankan dikehendaki memberi lebih banyak maklumat mengenai kedudukan kewangan mereka untuk memudahkan pihak awam membuat penilaian yang tepat. Berkuatkuasa serta merta institusi perbankan hendaklah menyediakan maklumat mengenai pinjaman tidak berbayar, pinjaman mengikut sektor dan perubahan peruntukan bagi hutang lapuk dan hutang diragui, termasuk "*interest-in-suspense*";

(iii)sistem "*real time gross settlement*" (RTGS) bagi pemindahan dana yang besar antara bank akan dilancarkan pada 1 Januari 1999. Ini akan mengurangkan risiko yang melibatkan sistem pembayaran yang bernilai besar dan menjamin kestabilan kewangan;

(iv)peraturan yang menghendaki institusi perbankan untuk mengekalkan peruntukan am bersamaan dengan 1 peratus daripada jumlah bersih pinjaman tertunggak tidak termasuk "*interest-in-suspense*" dan peruntukan khas, dinaikkan kepada 1.5 peratus mulai tahun kewangan 1998; dan

(v)permohonan untuk mendapatkan pinjaman asing bagi membiayai projek-projek dalam negeri akan diteliti dengan rapi bagi memastikan ia digunakan untuk tujuan produktif. Di samping itu, kerajaan akan menimbang mengenakan langkah-langkah percukaian untuk menghadkan pinjaman jangka pendek.

Pertumbuhan kredit yang tinggi sebanyak 29 peratus, dasar kewangan yang ketat akan diteruskan. Kadar faedah antara bank bagi tempoh tiga bulan kini telah meningkat kepada 8.2 peratus. Kadar faedah akan kekal teguh selaras dengan keadaan ekonomi semasa. BNM juga akan menggunakan instrumen-instrumen lain bagi mengurangkan peningkatan kredit yang pesat dan memastikan pertumbuhannya lebih sederhana di sekitar 20 peratus pada akhir tahun 1998. Sumber-sumber ini akan disalurkan kepada sektor yang lebih produktif termasuk perkilangan, Industri Kecil dan sederhana (IKS), eksport dan perumahan kos rendah. BNM akan juga mengetatkan kelulusan terbitan hutang swasta (PDS) bagi memastikan sumber-sumber disalurkan kepada sektor-sektor tersebut. Ini akan memastikan dana yang diperoleh daripada pasaran modal tidak disalurkan bagi tujuan spekulasi, penggunaan berlebihan dan aktiviti-aktiviti yang kurang produktif.

Dalam memperkenalkan instrumen dan peraturan tersebut, perimbangan akan dikekalkan agar pembangunan tidak terjejas dan pelabur tidak terdorong untuk memindahkan aktiviti ekonomi ke luar negara.

Di samping pertumbuhan kredit yang tinggi, bilangan pemilikan kereta penumpang telah bertambah dengan nisbah sebuah kereta bagi setiap sembilan orang penduduk, iaitu antara yang tertinggi di kalangan negara-negara membangun. Maka selaras dengan pengawalan kredit berlebihan dan agar gaya hidup "**biar papa asal bergaya**" ini tidak berlanjutan, terutama di kalangan mereka yang berani menukar kereta, maka had kredit bagi sewa beli kereta penumpang akan dikuncupkan daripada 75 peratus kepada 70 peratus dan tempoh pembayaran balik pula tidak melebihi lima tahun.

Negara juga mungkin mengalami tekanan inflasi akibat harga import yang meningkat berpunca dari penyusutan nilai ringgit berbanding mata wang negara-negara pembekal utama. Untuk memastikan pertumbuhan ekonomi tidak terjejas, strategi membendung inflasi perlu diteruskan. Tindakan segera peniaga mengimport bekalan daripada negara pengeluar berkos rendah akan meredakan tekanan harga. Pemborong dan peruncit diperingatkan supaya tidak mengambil peluang daripada kejatuhan nilai ringgit dengan meningkatkan harga barangan dengan sewenang-wenangnya untuk mengaut keuntungan berlebihan, terutamanya barang-barang keperluan asas. Kerajaan telah mengumpul maklumat harga bagi hampir semua barangan dan mengawasi pergerakan harga dengan teliti dan akan memperhebatkan penguatkuasaan. Namun, keberkesanan tindakan turut ditentukan oleh para pengguna sendiri yang harus arif tentang mutu barang dan harga terutama dalam musim-musim perayaan Eidul Fitri Mubarak, Sin Nien Chin Pu dan Deepavali waatukal.

Dalam keadaan pergolakan kewangan sekarang, dasar dan langkah-langkah untuk meningkatkan lagi "*prudential standards*" serta dasar-dasar kewangan adalah **umpama ubat yang pahit**.

Mengekalkan Pertumbuhan Mapan

Pertumbuhan ekonomi hendaklah didorong oleh peningkatan produktiviti dan bukan oleh pertambahan input modal dan buruh semata-mata. Dalam konteks ini, faktor-faktor pengeluaran negara, khususnya modal dan buruh, perlu digunakan secara optimum bagi menghasilkan keluaran yang tinggi. Memandangkan negara telah mencapai tahap guna tenaga penuh dan dasar kerajaan untuk mengurangkan penggunaan pekerja asing, negara perlu beralih kepada pendekatan pengeluaran berautomasi dan jimat pekerja. Sektor perkilangan digesa untuk mempercepatkan peralihan ke arah penggunaan teknologi robotik dalam proses pengeluaran mereka.

Cukai Pendapatan Syarikat

Sektor swasta merupakan nadi yang menggerakkan ekonomi negara. Kejatuhan ringgit telah menyebabkan kos operasi dan unit pengeluaran meningkat dan seterusnya menggasir daya saing barangan keluaran Malaysia di pasaran antarabangsa. Kita perlu membantu menjana pertumbuhan dan meringankan beban sektor swasta akibat kenaikan harga yang disebabkan susut nilai ringgit berbanding dolar AS. Kita juga perlu menjamin peningkatan pelaburan, produktiviti dan daya saing eksport. Dengan itu, saya mencadangkan kadar cukai pendapatan syarikat dikurangkan sebanyak 2 peratus daripada 30 peratus kepada 28 peratus. Lebih penting ialah agar sektor swasta dapat menyerap kenaikan kos dan tidak memindahkannya kepada pengguna. Janganlah pengusaha membebankan pengguna melalui kenaikan harga.

Sumbangan petroleum termasuk industri berkaitan amat penting kepada hasil negara. Bagi menggalakkan syarikat minyak memajukan medan minyak marginal dan meningkatkan usaha mencarigali medan minyak baru, saya mencadangkan supaya kadar cukai pendapatan petroleum dikurangkan daripada 40 peratus kepada 38 peratus dan kadar duti eksport ke atas minyak mentah diturunkan daripada 20 peratus kepada 10 peratus.

Selaras dengan keputusan penurunan cukai pendapatan syarikat, jentera percukaian khususnya Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Jabatan Kastam dan Eksais akan meningkatkan tahap kecekapan dan ketelusan. Pembaharuan dan tahap integriti jentera akan membantu menangkis percubaan mengelak dari pembayaran cukai atau kebocoran hasil.

PERUNTUKAN BELANJAWAN 1998

Sesuai dengan Strategi Belanjawan 1998, kerajaan akan terus mengawal perbelanjaan awam supaya lebih berhemat, di samping mengekalkan dasar belanjawan berimbang. Saya mencadangkan sejumlah RM64.124 bilion diperuntukkan bagi tahun 1998, iaitu pertambahan 1.9 peratus berbanding dengan peruntukkan tahun 1997. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM45.633 bilion adalah untuk perbelanjaan mengurus dan RM18.491 bilion untuk perbelanjaan pembangunan. Berasaskan anggaran hasil RM68.058 bilion, akaun Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1998 akan mencatatkan lebihan keseluruhan sebanyak RM3.934 bilion.

Jika kita mengambil kira jumlah terimaan balik pinjaman dan pindahan-pindahan, lebihan keseluruhan belanjawan berjumlah RM8.951 bilion atau 3.2 peratus daripada KNK.

Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan mengurus keseluruhan sebanyak RM45.633 bilion bertambah 1.7 peratus berbanding dengan peruntukkan 1997. Tambahan peruntukkan adalah untuk perbelanjaan tertanggung yang berjumlah RM17.017 bilion bagi membiayai bayaran balik pinjaman dan khidmat hutang negara, bayaran balik cukai, sumbangan kepada kumpulan-kumpulan wang terkanun dan komitmen sumbangan kepada kerajaan-kerajaan negeri dan komitmen lain.

Mulai tahun ini, perbelanjaan mengurus telahpun dikurangkan dengan potongan 2 peratus ke atas perbelanjaan jabatan. Kos perbelanjaan operasi kementerian dan jabatan berjumlah RM28.616 bilion iaitu berkurangan sebanyak 3 peratus melainkan bagi Perbendaharaan yang dikenakan pengurangan sebanyak 4 peratus. Langkah pengurangan ini termasuk potongan sebanyak 30 peratus ke atas perbelanjaan lawatan ke luar negara dan potongan di antara 10 peratus - 15 peratus bagi perbelanjaan-perbelanjaan harian jabatan seperti alat tulis dan keraian. Tambahan peruntukan hanyalah untuk aktiviti tertentu yang dianggap penting. Pengendalian Sukan Komanwel ke XVI dan program pendidikan dan kesihatan serta rancangan pembasmian kemiskinan dan pembangunan desa tidak terjejas dengan pengurangan tersebut. Namun, kos pengurusan perlu dikurangkan dan tumpuan haruslah untuk memberi manfaat langsung kepada golongan sasaran.

Daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan mengurus, sejumlah RM12.829 bilion adalah untuk Emolumen, RM6.474 bilion untuk Perkhidmatan dan Bekalan, RM837

juta untuk Aset, RM24.179 bilion untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap dan RM1.314 bilion untuk Perbelanjaan Am serta lain-lain.

Pertambahan saiz perkhidmatan awam dikawal ditahap yang optimum. Purata kadar pertambahan anggota awam telah dapat dikurangkan. Melalui penyusunan semula struktur organisasi ekoran pelaksanaan Sistem Saraan Baru, sebanyak 20,633 jawatan kosong telah dimansuhkan. Mulai tahun ini, kerajaan akan melaksanakan pembekuan pengisian 2,700 jawatan Pembantu Tadbir. Agensi perlu berusaha mengagihkan semula beban tugas kepada sektor kritikal di samping menggunakan automasi dan teknologi maklumat. Program mempelbagai dan mengasah keterampilan anggota perkhidmatan awam akan terus dipergiatkan.

Semenjak program penswastaaan agensi dimulakan, bagi tempoh 1985 sehingga tahun 1996, hampir 130,260 jawatan telah dimansuhkan, dan sebanyak 52,000 lagi anggota dianggarkan akan terlibat dalam program penswastaaan bagi tempoh lima tahun akan datang. Melalui penyusunan semula badan-badan berkanun, tiga buah Lembaga Kemajuan Wilayah iaitu KEJORA, DARA dan JENGKA akan dibubarkan menjelang tahun 1998. Lembaga Pasaran dan Pelesenan Getah Malaysia (MRELB), Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia (MRRDB), dan Institut Penyelidikan Getah (RRI) telahpun digabungkan dengan tertubuhnya Lembaga Getah Malaysia sementara Suruhanjaya Perdagangan Komoditi telah diserapkan ke dalam Suruhanjaya Sekuriti.

Pemupukan budaya penyelenggaraan di kalangan anggota perkhidmatan awam akan diteruskan dengan peruntukan sebanyak RM2,497 bilion. Ini akan dapat mengurangkan kos penggantian alat kelengkapan dan memastikan penjimatan jangka panjang diperolehi melalui peningkatan penjagaan asset serta menghindar kecenderungan membeli yang baru.

Sungguhpun kedudukan kewangan kerajaan mantap dengan lebih yang kukuh, pengawalan dan pengawasan perbelanjaan akan diperketat. Ketua-ketua jabatan dan agensi hendaklah lebih bertanggungjawab mengawal dengan rapi, berhemat berbelanja dan menghindarkan pembaziran. Tindakan disiplin dan surcaj akan dikenakan bagi yang cuai dan ingkar.

Sumbangan dan dedikasi anggota perkhidmatan awam dan anggota polis dan tentera amat penting bagi menjamin keamanan dan kejayaan program pembangunan negara. Sebagai menghargai sumbangan mereka, Kerajaan mencadangkan pemberian bonus sebanyak satu bulan gaji dengan jumlah minimum sebanyak RM700 untuk semua kumpulan pengurusan dan professional serta kumpulan sokongan dan kumpulan setaraf dengannya bagi anggota polis dan tentera. Selaras dengan hasrat kerajaan menyemarakkan budaya menabung, bayaran akan dibuat dalam dua ansuran iaitu sebanyak RM500 untuk ansuran pertama pada bulan Disember 1997 dan bakinya pada bulan April 1998. Para majikan sememangnya dianjurkan menghargai sumbangan pekerja dan pemberian bonus merupakan salah satu bentuk penghargaan tersebut. Tetapi janganlah bonus dan bayaran *ex-gratia* dijadikan sebagai senjata persaingan "mencuri" pekerja dari majikan lain dan lari dari tanggungjawab melatih pekerja. Untuk menggalakkan majikan melatih tenaga kerja sendiri, saya mencadangkan supaya potongan cukai ke atas bonus dihadkan kepada dua bulan sahaja.

Perbelanjaan Pembangunan

Perbelanjaan pembangunan telah ditambah sebagai pemangkin kepada pertumbuhan. Daripada peruntukan pembangunan sebanyak RM18.490 bilion, sejumlah RM8,828 bilion atau 47.7 peratus adalah untuk Sektor Ekonomi, RM5,890 bilion atau 31.9 peratus untuk Sektor Sosial, RM2,433 bilion atau 13.2 peratus

untuk Sektor Keselamatan dan RM840 juta atau 4.5 peratus adalah untuk Sektor Perkhidmatan Am. Baki sejumlah RM500 juta atau 2.7 peratus adalah untuk Simpanan Luar Jangka.

Banyak projek besar seperti lebuh raya Utara-Selatan, Pelabuhan Barat di Selangor, projek Sistem Transit Aliran Ringan (LRT) dan monorel di Kuala Lumpur, projek-projek telekomunikasi dan televisyen satelit yang telah dilaksanakan melalui penswastaan prasarana yang diperlukan. Justeru itu, sebahagian besar projek prasarana yang mendesak telah dilaksanakan. Namun oleh kerana tumpuan kita dewasa ini adalah untuk memperkukuhkan asas-asas ekonomi makro, pelaksanaan projek-projek raksasa telah disemak semula. Kerajaan telah bersetuju beberapa projek ditangguh, iaitu:

- Projek Hidroelektrik Bakun;
- Pusat Pentadbiran Putrajaya Fasa II;
- Lapangan Terbang Wilayah Utara;
- Projek Jalan Cameron Highlands/Fraser Hill/Genting Highlands;
- Projek Kuala Lumpur Linear City; dan
- Jambatan Selat Melaka: Malaysia – Indonesia.

Beberapa projek lagi akan juga ditangguhkan pelaksanaannya termasuk perolehan kelengkapan tentera seperti kereta perisai dan helicopter, projek-projek lebuh raya yang belum lagi dilaksanakan dan LRT di Pulau Pinang dan Johor. Jumlah kos projek-projek yang dikenal pasti untuk penangguhan pelaksanaan setakat ini ialah RM65.6 bilion.

Hanya projek-projek yang merupakan projek sambungan atau projek-projek yang berada di dalam peringkat akhir pelaksanaan akan diteruskan. Bagaimanapun, projek-projek infrastruktur termasuk pelabuhan dan prasarana Koridor raya Multimedia (MSC) yang dapat meningkatkan kapasiti pengeluaran dan produktiviti ekonomi negara akan diteruskan.

Meningkatkan Kualiti Pelaburan

Pertumbuhan ekonomi negara umumnya didorong oleh peningkatan pelaburan yang merupakan 44.8 peratus daripada KNK. Dengan kadar pelaburan yang tinggi ini, negara berupaya mencapai pertumbuhan mangsang sekiranya kita dapat meningkatkan kecekapan dan produktiviti. Bagi maksud tersebut, adalah wajar sektor swasta terus dirangsang untuk melaburkan semula keuntungannya dalam aktiviti-aktiviti yang lebih produktif. Saya mencadangkan supaya galakan elaan pelaburan semula yang telah disediakan bagi menggalakkan aktiviti tersebut diberikan hanya kepada aktiviti pelaburan yang dapat mengangkat produktiviti, khususnya pelaburan dalam peralatan otomasi serta pelaburan yang dapat menjimatkan tenaga buruh seperti penggunaan robotik.

Kerajaan akan meneruskan pelaksanaan aktiviti-aktiviti bagi meningkatkan daya saing negara dalam bidang sains dan teknologi serta menyumbang ke arah memulihara dan mengawal alam sekitar. Program memperdagangkan hasil penyelidikan dan pembangunan (P&P) akan dipergiatkan sejajar dengan hasrat kerajaan untuk menghasilkan teknologi tempatan dan P&P yang berpotensi untuk membantu proses perindustrian negara dan meningkatkan mutu barangan buatan tempatan. Di samping itu, kerajaan akan menumpukan perhatian untuk mengkaji keadaan teknologi terkini di negara kita dan juga melihat arah tuju negara supaya dikenal pasti projek tambahan memajukan bidang-bidang bioteknologi, otomotif, pembuatan, tenaga, bahan termaju, aerospace dan multimedia. Peruntukan sebanyak

RM270 juta disediakan bagi meningkatkan kemahiran dalam P&P, sains dan teknologi.

Kualiti pelaburan juga dapat ditingkatkan dengan melaksanakan program P&P dan pelbagai galakan telah disediakan bagi memajukannya. Pada masa ini, syarikat yang menjalankan aktiviti reka bentuk dan prototaip secara berasingan tidak layak mendapat galakan ini. Memandangkan aktiviti reka bentuk dan prototaip adalah sebahagian daripada aktiviti P&P yang penting, saya mencadangkan supaya aktiviti reka bentuk dan prototaip yang dijalankan secara berasingan diberikan juga galakan P&P seperti taraf printis atau elauun cukai pelaburan atau potongan dua kali ke atas perbelanjaan P&P.

Membangunkan Sumber Manusia

Pembangunan sumber manusia perlu diberi penekanan dalam suasana ekonomi yang berkembang pesat dengan keadaan guna tenaga penuh. Peralihan strategik ke arah proses pengeluaran yang lebih berintensifkan modal dan berteknologi tinggi memerlukan jumlah tenaga kerja terlatih yang mencukupi dan mahir dalam pelbagai bidang teknikal.

Skim Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) diperkenalkan dalam tahun 1993 bagi mendorong sektor swasta menjalankan program latihan pekerja. Skim ini telah berjaya melatih hampir 1.5 juta orang pekerja dalam sektor perkilangan dan beberapa sektor perkhidmatan yang melibatkan pembiayaan berjumlah RM412 juta. Skim ini diperluaskan kepada sektor tenaga, pendidikan dan perkhidmatan perundangan. Kerajaan telah menyumbang sebanyak RM75.5 juta bagi Kumpulan Wang tersebut. Bagi memperkukuhkan program latihan ini, kerajaan bersedia menambahkan sumbangan jika perlu. Industri sekuriti pula dicadang menubuhkan sendiri skim menggalakkan latihan pekerja seperti yang terdapat dalam industri perbankan.

Sejumlah RM12.458 bilion diperuntukkan bagi bidang pendidikan. Ini melibatkan percambahan prasarana pendidikan di semua peringkat. Perhatian juga diberikan terhadap perkembangan dan peningkatan teknologi dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran, termasuk teknologi maklumat.

Sebagai pengiktirafan kepada pentingnya peranan dan perkhidmatan guru dalam pembangunan, skim kenaikan pangkat secara "time promotion" yang akan melibatkan seramai 12,000 guru akan dilaksanakan. Peruntukan tambahan sebanyak RM100 juta disediakan untuk memperingkatkan kemudahan pinjaman kenderaan dan komputer untuk guru. Dengan pengiktirafan ini, adalah diharapkan, agar para pendidik akan rancak dan terdorong dalam menjalankan tanggungjawab serta memastikan disiplin dan mutu pendidikan di sekolah-sekolah dapat dipertingkatkan lagi.

Sejumlah RM2.881 bilion diperuntukkan untuk menampung perbelanjaan pengurusan institusi pendidikan tinggi (IPT) dengan jumlah pelajar yang bertambah di samping projek pembangunan kampus Universiti Malaysia Sabah, kampus perubatan Universiti Islam Antarabangsa di Pahang dan Universiti Malaysia Sarawak. Kemudahan tersebut disediakan seiring dengan pembinaan Universiti Telekom di Melaka, Universiti Petroleum di Perak, Universiti Tenaga di Bangi, Universiti Multimedia dan beberapa IPT swasta yang berkembang pesat.

Untuk menjamin bekalan tenaga kerja yang mahir, sebanyak RM676.5 juta disediakan bagi beberapa kementerian untuk pembinaan dan menaikkan taraf prasarana latihan serta menjalankan program latihan termasuk bagi 36,902 orang

tenaga kerja dan seramai 360 tenaga pengajardalam tahun 1998 di institut latihan perindustrian, institut kemahiran belia dan pusat-pusat GIAT MARA.

Meningkatkan Kegiatan Industri Kecil dan Sederhana (IKS)

IKS merupakan tulang belakang kepada pertumbuhan sektor industri. Namun sehingga kini, barangan perantaraan yang dihasilkan IKS terhad di samping operasinya yang masih berteknologi rendah. Rantaian industri di antara IKS dengan sektor perkilangan tidak kukuh dan tidak meluas. Dengan ini, strategi pembangunan IKS perlu ditumpukan kepada pembentukan rantaian di antara IKS dan industri dengan kecekapan kejenteraan akan dapat menembusi pasaran eksport. Dengan maksud merangsang pertumbuhan IKS, saya ingin mencadangkan penebusan satu dana baru bernilai RM1 bilion.

Pembangunan Ushawan Kelas Menengah Bumiputera

Dalam usaha menggalakkan pembangunan usahawan Bumiputera dalam bidang perniagaan dan perindustrian, sejumlah RM214 juta di bawah peruntukan pembangunan akan digunakan untuk melaksanakan program pembangunan vendor, francais, pembangunan IKS, skim pinjaman kepada usahawan-usahawan serta pembelian ruang perniagaan. Beberapa program tambahan termasuklah mengenalpasti golongan bumiputera yang berpotensi bagi penyertaan dalam projek penswastaaan, pembahagian dan pemilikan saham pembangunan ruang niaga dan latihan.

Prasarana dan Kemudahan Awam

Kerajaan akan meneruskan pembangunan infrastruktur kerana ianya merupakan pemangkin bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Sebanyak RM5.243 bilion telah diperuntukkan kepada pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam. Daripada jumlah ini, sebanyak RM3.678 bilion ialah untuk pembangunan jalan raya dan jambatan, RM304 juta untuk pengangkutan kereta api, RM186 juta untuk pembangunan pelabuhan dan pengangkutan laut serta RM135 juta untuk pengangkutan udara.

Sebagai langkah mengurangkan kos perbelanjaan dan pengambilan anggota bagi tugas penyelenggaraan, kerajaan akan menswastakan perkhidmatan penyelenggaraan bangunan-bangunan guna sama persekutuan pada akhir tahun ini dan akan diikuti dengan penswastaaan perkhidmatan penyelenggaraan jalan-jalan persekutuan.

Beberapa projek penswastaaan jalan seperti Lebuhraya Damansara – Puchong, Jalan Pintas Selat Klang Utara Baru dan Lebuhraya Tingkat Di atas Sungai Klang/Sungai Ampang sedang berjalan pesat dan apabila siap nanti akan dapat menangani masalah kesesakan di Lembah Klang dan bandar-bandar besar.

Peruntukan sebanyak RM1.165 bilion ialah untuk membiayai projek-projek bekalan air negeri dan bekalan air ke desa serta pembangunan bekalan elektrik di kawasan desa.

Pembangunan Teknologi Maklumat

Agenda Teknologi Maklumat Negara telahpun dijadikan satu strategi utama untuk pembangunan negara. Sehingga minggu pertama bulan Oktober 1997, sebanyak 137 syarikat telah memohon untuk mendapatkan status MSC. Jumlah pelaburan daripada syarikat yang layak mendapat status MSC adalah sebanyak RM1.08 bilion

dalam tahun pertama dan dijangka meningkat kepada RM1.84 bilion dalam tahun kelima.

Bagi perkhidmatan awam, Rancangan Strategik Pembangunan Teknologi Maklumat telah menggariskan penggunaan aplikasi dan proses teknologi maklumat dalam melaksanakan semua program dan aktiviti. Selaras dengan pembangunan MSC, kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM400 juta dalam tahun 1998 untuk agensi-agensi kerajaan membangunkan teknologi maklumat dan melaksanakan projek Kerajaan Elektronik. Ini melibatkan lima projek printis di beberapa jabatan dan program pengkomputeran berbagai peringkat teknologi di jabatan-jabatan kerajaan.

Sebanyak RM119 juta disediakan untuk pelaksanaan program Sekolah Bistari di 90 buah sekolah terpilih. Di samping itu, kerajaan akan juga melaksanakan kemudahan iaitu terminal komputer bagi memudahkan orang awam membuat transaksi perkhidmatan tertentu.

Kegiatan yang dijalankan oleh kerajaan dalam bidang multimedia telah mendapat perhatian antarabangsa dan aktiviti yang diterajui perlu mendapat penyertaan dari semua lapisan rakyat. Bagi mendukung kempen teknologi maklumat dan memastikan matlamat MSC dapat dicapai, adalah wajar semua rakyat Malaysia berpengetahuan dalam bidang multimedia. Saya mencadangkan pemberian rebat cukai sebanyak RM400 bagi satu keluarga untuk membeli sebuah komputer peribadi.

Fakulti Multimedia

Untuk menjayakan program MSC, negara memerlukan tenaga kerja yang berpengetahuan dan mahir dalam bidang multimedia. Institusi pengajian tinggi terutama sekali fakulti multimedia mempunyai peranan membantu menyediakan tenaga mahir yang diperlukan. Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya galakan cukai yang telah diberi kepada syarikat MSC dipanjangkan kepada fakulti multimedia di seluruh negara yang menganjurkan kursus-kursus seperti teknologi maklumat, telekomunikasi, grafik dan imej.

DEREGULASI DAN LIBERALISASI EKONOMI

Liberalisasi Pasaran Kewangan

Kita terus komited kepada liberalisasi sektor kewangan dan akan melaksanakannya secara berperingkat. Justeru itu, sistem kewangan perlu lebih cekap, berdaya saing, dinamik dan moden. Kekukuhan sistem kewangan semata-mata tidak dapat menjamin kestabilan pasaran kewangan seperti yang disaksikan baru-baru ini. Dengan demikian, dalam masa kita meliberalisasikan sistem kewangan, kita perlu mempunyai mekanisme perlindungan dan peraturan yang cukup supaya ekonomi kita dapat dilindungi daripada tekanan luar, atau manipulasi.

Kita akan terus mengambil bahagian dalam perundingan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan akan menyediakan satu pakej langkah-langkah untuk meliberalisasikan lagi sektor perkhidmatan kewangan negara. Kita bersedia menjadikan industri insurans lebih liberal. Bagi industri pembrokeran, pejabat perwakilan syarikat broker saham asing akan dibenar menyalurkan pesanan urusanniaga pelanggan mereka kepada syarikat broker saham tempatan. Suruhanjaya Sekuriti akan menyediakan peraturan pelesenan dan urusanniaga untuk tujuan ini. Industri insurans dan pembrokeran tempatan hendaklah lebih berdisiplin dan meningkatkan tahap pengurusan mereka. Syarikat-syarikat ini hendaklah lebih berinovasi dan proaktif, terutamanya untuk mengukuhkan lagi keupayaan mereka.

Perolehan Hartanah

Di tahun-tahun kebelakangan ini, sektor hartanah telah berkembang dengan cergas dan telah menyediakan bekalan yang berlebihan bagi hartanah yang berharga tinggi. Dalam keadaan ini, adalah wajar dikaji semula garis panduan berkaitan pemilikan hartanah oleh rakyat asing. Dengan ini, saya mencadangkan supaya beberapa syarat pemilikan hartanah oleh rakyat asing dipinda seperti berikut:

- (i) kuota 30 peratus bagi jualan kondominium yang berharga melebihi RM250,000 kepada kepentingan asing ditingkatkan kepada 50 peratus bagi projek-projek yang kerja pembinaannya telah dimulakan;
- (ii) kepentingan asing dibenarkan memperolehi dua unit kondominium dan selebihnya dikenakan syarat supaya menubuhkan syarikat; dan
- (iii) penduduk tetap Malaysia dibenarkan memperolehi rumah kediaman yang berharga RM250,000 ke bawah tetapi melebihi RM60,000 dengan syarat suami/isteri adalah warganegara Malaysia ataupun telah memohon taraf warganegara Malaysia.

Keuntungan daripada pelupusan hartanah dikenakan cukai keuntungan hartanah (CKHT) pada kadar di antara 5 peratus dan 30 peratus. Walau bagaimanapun, bagi individu bukan warganegara, CKHT dikenakan pada satu kadar sahaja iaitu 30 peratus tanpa mengambil kira tempoh harta dimiliki. Sebagai langkah tambahan dalam proses liberalisasi, saya mencadangkan supaya CKHT untuk individu bukan warganegara dikenakan pada kadar 5 peratus jika pelupusan dibuat selepas tahun kelima. Kadar yang dicadangkan ini adalah sama seperti kadar minimum yang dikenakan untuk pelupusan hartanah oleh syarikat.

Pembangunan Pasaran Modal

Pasaran modal kita lebih menyerlah dengan wujudnya sistem penyebaran maklumat harga yang canggih, tempoh penyelesaian yang lebih singkat dan pelaksanaan sistem "*delivery versus payment*". Khazanah Malaysia telah menerbitkan Bon Tanda Aras yang pertama bernilai RM1 bilion pada 18 September tahun ini. Di samping itu, Khazanah akan mendapatkan sebanyak RM2 bilion lagi daripada pasaran untuk tujuan pelaburan. Usaha-usaha ini telah meningkatkan kecairan pasaran bon. Pelancaran sistem pengumpulan dan penyebaran data secara elektronik (BIDS) oleh BNM untuk tujuan penyebaran maklumat telah memperdalamkan lagi pasaran. Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menyediakan prasarana dan sistem kawalselia bagi membolehkan pasaran berfungsi dengan cekap. Selaras dengan matlamat ini, pasaran saham akan mencerminkan paras yang ditentukan oleh kuasa pasaran.

Kerajaan akan juga merangka Pelan Induk Perkhidmatan Kewangan untuk menentukan perkhidmatan kewangan yang lebih teratur, termasuk merancang program liberalisasi jangka panjang. Pelan ini juga bertujuan untuk menyeragamkan peraturan dan mengurangkan pertindihan serta percanggahan fungsi di kalangan pihak berkuasa yang mengawasi dan mengawal selia sektor kewangan. Di samping itu, Suruhanjaya Sekuriti sedang mengambil beberapa langkah untuk mengukuhkan lagi pasaran modal seperti berikut:

- (i) mempercepat pelaksanaan sistem kecukupan modal yang lebih baik bagi meningkatkan lagi disiplin kewangan dan pengurusan syarikat broker saham. Suruhanjaya Sekuriti dan BSKL sentiasa menjalankan pengesanan yang rapi ke atas kedudukan aliran tunai dan modal syarikat-syarikat broker;

(ii) meminda peraturan perlindungan aset pelabur yang dipegang oleh syarikat broker saham supaya peraturan-peraturan yang diamalkan oleh Bursa Saham Kuala Lumpur selari dengan peraturan antarabangsa; dan

(iii) memperkenalkan kontrak niaga hadapan matawang ringgit untuk didagangkan di Bursa Kewangan Malaysia (*Malaysian Monetary Exchange*) pada masa yang sesuai. Kemudahan ini membolehkan urusan niaga mata wang ringgit dibawa kembali ke Malaysia supaya syarikat-syarikat tempatan boleh mengurus risiko tukaran asing di negara sendiri.

MENERUSKAN AGENDA SOSIAL BAGI PEMBANGUNAN YANG LEBIH MENYELURUH

Kita tuntas dengan dasar pembangunan yang menekankan pengagihan dan kesejahteraan sosial. Oleh itu, Kerajaan akan terus memberi tumpuan kepada isu-isu berkaitan dengan pembasmian kemiskinan, pembangunan desa, penjagaan kesihatan, keperluan perumahan serta kebajikan belia dan wanita. Di samping itu, Kerajaan juga akan menangani masalah-masalah sosial dan alam sekitar serta terus menggalakkan perkembangan dalam bidang kesenian dan kebudayaan.

Kesihatan Masyarakat

Sebanyak RM3.494 bilion disediakan untuk meneruskan peningkatan taraf dan mutu perkhidmatan perubatan dan kesihatan awam dan memperluaskan perkhidmatan kepakaran ke hospital-hospital negeri dan daerah. Sebanyak RM743 juta pula disediakan untuk membina prasarana yang melibatkan antara lain pembinaan dan kenaikan taraf pusat-pusat kesihatan, klinik desa dan hospital baru. Dengan tambahan peruntukan yang besar ini, hospital dan klinik-klinik sewajarnya dapat memberi perkhidmatan yang lebih bermutu dan selesa kepada orang awam. Di samping itu, adalah diharapkan dengan memperkenalkan teleperubatan dan perkhidmatan teleperundingan dapat mengatasi masalah berkaitan dengan kekurangan perkhidmatan pakar yang dihadapi di negara ini. Kita akan juga terus membantu badan-badan kebajikan yang terlibat dengan usaha-usaha murni memberi perkhidmatan kemasyarakatan.

Pengecualian Cukai Ke Atas Kemudahan Kesihatan

Di dalam Belanjawan yang lepas, saya telah memberi potongan cukai kepada syarikat bagi sumbangan yang dibuat kepada projek kebajikan dan kemasyarakatan, termasuk bidang kesihatan. Dalam belanjawan ini, saya mencadangkan supaya sumbangan individu untuk menyediakan kemudahan kesihatan sehingga RM20,000 diberi potongan cukai bagi maksud cukai pendapatan. Di samping itu, saya mencadangkan supaya peralatan/kelengkapan termasuk kenderaan yang digunakan bagi perkhidmatan perubatan bergerak diberi pengecualian cukai jualan dan/atau eksais.

Hospital swasta telah memberikan sumbangan penting dalam melengkapi kemudahan kesihatan negara. Sungguhpun demikian, adalah diperhatikan perkhidmatan yang diberi tertumpu bagi golongan berada. Hospital swasta kini dikehendaki menyediakan wad khas untuk golongan berpendapatan rendah. Sebagai mengiktiraf sumbangan ini, saya mencadangkan supaya galakan elaun pelaburan 60 peratus diberi ke atas perbelanjaan yang layak bagi menubuhkan wad khas ini.

Program Pembangunan Desa dan Pembasmian Kemiskinan

Kesejahteraan dan mutu hidup masyarakat desa terus dipelihara melalui kemudahan pendidikan, latihan dan kesihatan. Peruntukan sebanyak RM2.08 bilion disediakan

untuk maksud tersebut. Pembangunan prasarana asas seperti jalan, bekalan elektrik dan bekalan air bersih diberi tumpuan penting. Peruntukan berjumlah RM496 juta disediakan bagi pembinaan jalan, jambatan, saluran dan jeti, dan RM246 juta bagi bekalan air dan elektrik di desa. Sementara itu, sebantak RM330 juta disediakan bagi meneruskan program-program pembasmian kemiskinan, termasuk Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT). Bagi keperluan pertanian pula, sebanyak RM519 juta disediakan untuk bantuan subsidi kepada penduduk-penduduk desa dan petani.

Perumahan

Sebanyak RM498 juta adalah diperuntukkan untuk membina 5,200 unit rumah bagi angkatan tentera, polis, kastam, pegawai imigresen, warden penjara dan pegawai kerajaan di KLIA-Sepang. Sejumlah RM90 juta adalah untuk rumah guru di desa.

Pembinaan rumah awam kos rendah akan dipertingkatkan dengan peruntukan RM164 juta untuk negeri-negeri dan Wilayah Persekutuan. Sebanyak 10,074 unit rumah kos rendah akan dibina dalam tahun 1998 di bawah tiga tabung perumahan iaitu Tabung Amanah untuk Golongan Termiskin, Tabung Pembinaan Rumah Kos Rendah dan Tabung Pinjaman Rumah Kos Rendah.

Sektor swasta juga akan terus memainkan peranan penting dalam memenuhi permintaan rakyat terhadap rumah kediaman. Penubuhan Syarikat Perumahan Negara Bhd. (SPNB), dengan modal pusingan RM1 bilion akan dapat meningkatkan jumlah pembinaan rumah kos sederhana dan rendah.

Program Masyarakat Penyayang dan Menangani Masalah Sosial

Satu Pelan Tindakan Sosial untuk menangani masalah sosial seperti dadah dan AIDS dan membentuk masyarakat penyayang akan dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak RM308 juta. Berbagai program untuk meningkatkan kesedaran kesihatan dan bahaya penyakit seperti denggi serta kegiatan yang meliputi bidang keibubapaan dan pembangunan keluarga, kanak-kanak dan remaja, perlindungan kanak-kanak dan wargatua, kejiwaan serta kesedaran nilai dan etika hidup akan dilaksanakan. Bagi meneruskan usaha memupuk masyarakat penyayang, sebanyak RM98 juta telah diperuntukkan bagi membolehkan bantuan yang lebih meluas kepada lebih ramai anggota masyarakat yang kurang upaya melalui 51 institusi kebajikan yang beroperasi sekarang. Dalam usaha untuk membantu golongan kurang upaya, saya mencadangkan supaya individu yang menyediakan kemudahan bagi golongan kurang upaya di tempat awam seperti menyediakan laluan khas dan lain-lain dibenarkan mendapat potongan bagi maksud cukai pendapatan.

Pembangunan Belia

Sejumlah RM38 juta disediakan untuk melaksanakan program Rakan Muda. Selain itu, kerjasama di antara Kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) serta pihak swasta dalam menjayakan gaya hidup Rakan Muda ini akan dipertingkatkan. Seramai 500,000 remaja dijangka akan terlibat dalam program ini berbanding hanya 400,000 dalam tahun sebelumnya.

Wanita

Jabatan Hal Ehwal Wanita (HAWA) akan meningkatkan lagi peranannya untuk merangka dan menyelaraskan pelaksanaan Pelan Tindakan Wanita yang dilancarkan dalam tahun 1997 agar segala rancangan pembangunan wanita dapat dilaksanakan dengan lebih pantas dan berkesan. Khidmat NGO turut digemblengkan untuk

membantu wanita mengambil peluang meningkatkan taraf ekonomi dan kebajikan mereka, melalui program pembangunan usahawan, perniagaan, latihan kemahiran, program ibu tunggal dan program berkaitan dengan kesihatan, kesedaran hak undang-undang, seni, budaya dan sukan. Tidak ketinggalan juga ialah program kebajikan dan kekeluargaan. Dalam belanjawan tahun lepas, kerajaan telah mengumumkan bantuan RM50 juta kepada NGO yang terlibat dengan pembangunan wanita. Bantuan ini akan diteruskan bagi tahun 1998.

Sukan Komanwel Ke XVI

Sebanyak RM 561 juta disediakan bagi menyiapkan pembinaan infrastruktur termasuk Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil, 21 buah tempat berbagai jenis sukan, lapangasar di Langkawi, makmal doping dan Pusat Penyiaran Antarabangsa. Syarikat Sukom '98 Bhd. dan pihak swasta juga turut mengendali dan membantu membiayai program promosi dan latihan atlit negara. Kerajaan akan memastikan semua kemudahan yang didirikan untuk Sukan Komanwel akan dimanfaatkan melalui program-program yang sedang diatur.

Industri Pelancongan

Kerajaan menyediakan peruntukan sejumlah RM174 juta untuk memajukan lagi industri pelancongan. Sasaran bagi tahun 1998 adalah seramai 10.5 juta perlancongan berbanding 9.6 juta dalam tahun 1997. Hasil pendapatan pertukaran wang asing yang dijangka diperolehi dalam tahun 1998 adalah RM14 bilion berbanding RM11 bilion dalam tahun 1997. Dalam usaha galakan pelancongan dalam negeri, pembinaan hotel penginapan sederhana dan peningkatan kemudahan rumah-rumah rehat akan diteruskan bersama program penyediaan kemudahan pelancongan di seluruh negara seperti membersihkan kawasan-kawasan pantai.

Dalam Belanjawan yang lepas, duti import ke atas berbagai barangan seperti minyak wangi, jam tangan, pen, batu permata, kamera, radio transistor, lukisan, barangan ukiran dan bunga perhiasan telah dikurangkan atau dihapuskan. Sekarang, bagi menggalakkan kompleks membeli belah untuk para pelancong, saya mencadangkan supaya duti import ke atas barangan kulit, termasuk kulit buaya, kasut, sarung kaki, beg tangan, tali pinggang, tali leher, skaf, sut dan jaket dikurangkan daripada di antara 20 peratus hingga 30 peratus kepada 15 peratus.

Sumbangan Hasil Seni

Warga korporat wajar memainkan peranan lebih aktif dalam memelopori bidang kesenian. Balai Seni Lukis Negara dan Jabatan Muzium dan Antikuiti adalah agensi utama untuk menyemai minat di kalangan rakyat bagi menghargai kesenian dan warisan negara. Berlandaskan hasrat ini, saya mencadangkan supaya sumbangan hasil seni oleh syarikat kepada agensi tersebut dibenarkan sebagai potongan bagi maksud cukai pendapatan.

Tajaan Pertunjukan Kebudayaan

Aktiviti dan program kebudayaan mempunyai peranan yang boleh memupuk masyarakat madani, bertoleransi dan bersatu padu. Sektor swasta patut berganding bahu dengan agensi kerajaan untuk memperluaskan lagi aktiviti dan program kebudayaan. Untuk merangsang penyertaan swasta, saya mencadangkan supaya sumbangan syarikat sehingga RM200,000 untuk menaja persembahan kebudayaan dan kesenian tempatan diberi potongan untuk maksud cukai pendapatan. Penaja untuk persembahan kebudayaan bermutu dari luar negara juga akan diberi potongan yang sama sekiranya persembahan mengikut garis panduan yang ditetapkan.

Alam Sekitar

Kita perlu meningkatkan kesedaran masyarakat tentang alam sekitar dan telah pun memperkuatkan undang-undang penguatkuasaan dan pengawalan kualiti alam sekitar. Untuk itu peruntukan sebanyak RM142 juta telah disediakan untuk melaksanakan program dan aktiviti kawalan alam sekitar. Penguatkuasaan ke atas punca-punca pencemaran akan diperketatkan lagi khususnya ke atas kenderaan bermotor dan industri-industri yang masih belum dapat mematuhi standard-standard pelepasan seperti mana ditetapkan di bawah peraturan-peraturan alam sekitar. Pihak industri dan pemaju-pemaju projek perlu mengenalpasti dampak pembangunan projek masing-masing ke atas alam sekitar dengan lebih terperinci dan mengambil langkah kawalan bagi mengawal kesan negatif. Ini dapat dilakukan melalui pengawalan dalaman (*self regulation*) melalui prosedur pengauditan alam sekitar.

Sementara kerajaan terus mempertingkatkan usaha bagi memulihara alam sekitar, kita tidak boleh menghalang bencana seperti jerebu tebal yang dialami sejak September lalu kerana peredaran angin membawa asap kebakaran hutan di Sumatera dan Kalimantan di sini. Kesan El-Nino, sejenis arus panas di Lautan Pasifik yang mengakibatkan terjadinya perubahan cuaca luar biasa setiap dua hingga tujuh tahun, telah menurunkan kemarau teruk di beberapa kawasan di Asia Tenggara.

Namun begitu, kita akan berkerjasama dengan Indonesia dan ASEAN untuk menggubal satu pelan tindakan yang akan merangka langkah-langkah pencegahan dan pelan usaha sama tindakan serantau dalam mengatasi masalah-masalah merentas sempadan seperti jerebu. Kita juga menyambut baik kerjasama dan bantuan daripada masyarakat antarabangsa dan organisasi-organisasi pelbagai hala.

PROSPEK EKONOMI TAHUN 1998

Ekonomi dunia dijangka berkembang pada kadar 4.3 peratus pada tahun 1998, dengan didorong oleh pertumbuhan yang lebih baik di negara-negara membangun dan pemulihan yang kukuh negara-negara peralihan. Walaupun pergolakan pasaran kewangan baru-baru ini dijangka akan memberi kesan ke atas pertumbuhan ekonomi rantau ini dalam tempoh terdekat, prospek pertumbuhan rantau Asia Tenggara dijangka sederhana berikutan langkah-langkah tegas ke arah penyesuaian yang sedang dilaksanakan. Sekiranya Thailand melaksanakan program pengubahsuaian dengan cecal, ekonominya dijangka kembali teguh. Kesan terhadap negara-negara lain rantau ini masih di peringkat peralihan dengan beberapa langkah sesuai sedang diambil ke arah mencapai kestabilan pasaran yang lebih awal.

Malaysia dijangka mencatatkan yang sederhana tidak melebihi 7 peratus. Kadar pertumbuhan ini mencerminkan perkembangan perdagangan dunia yang lebih sederhana, pertumbuhan permintaan dan pendapatan yang perlahan serta pengurangan dalam pertumbuhan sektor pertanian. Pada masa yang sama, sektor perkilangan dan perkhidmatan juga mencatat pertumbuhan yang semakin perlahan, masing-masing pada kadar 10.5 peratus dan 8.6 peratus. Sektor pembinaan pula diramal berkembang pada kadar 9 peratus disebabkan oleh penangguhan pelaksanaan beberapa projek, pengurangan pelaburan awam serta kegiatan pembinaan swasta yang lebih perlahan. Selaras dengan pertumbuhan ekonomi yang sederhana, jumlah permintaan agregat diramal berkembang lebih perlahan sebagaimana yang dicerminkan oleh pengurangan kadar pertumbuhan perbelanjaan pelaburan dan penggunaan. Dari segi perdagangan luar pula, eksport dijangka meningkat pada kadar 7.7 peratus, manakala import berkembang pada kadar 7.3 peratus. Pertambahan eksport yang lebih pesat daripada import serta pelaksanaan langkah-langkah dalam belanjawan ini akan membolehkan defisit akaun semasa imbalan pembayaran dikurangkan kepada 4 peratus daripada KNK. Selain itu,

kedudukan kewangan kerajaan juga dijangka terus kukuh dengan mencatatkan lebihan belanjawan yang lebih besar. Kita akan dapat mencapai pertumbuhan yang dijangkakan sekiranya kita berjaya meningkatkan produktiviti dan daya saing negara, Insya-Allah.

PENUTUP

Suasana ekonomi sekarang masih tidak menentu. Keadaan tidak keruan ini akan berterusan kerana ia bukan sahaja merupakan permasalahan domestik tetapi juga merupakan permasalahan serantau. Dengan itu, keberkesanan prakarsa penyesuaian ini akan juga bergantung kepada tindakan yang diambil oleh negara-negara serantau. Cadangan dalam belanjawan akan disusuli dengan langkah-langkah tambahan sekiranya perlu. Justeru itu, kesabaran dan pengorbanan, kebijaksanaan dan kemunasabahan dituntut dari semua bagi mengharungi dugaan ini.

Dalam menangani dugaan dari pelbagai penjuru: ekonomi, sosial dan alam sekitar, kita jangan gopoh. Kita harus sentiasa bijaksana. Tepat sekali kata seloka penyair agung Tamil zaman silam, yang bernama Tiruvalluvar dari Mylapore, Madras. Katanya dalam Tirukkural: *"Hikmah dan kebijaksanaan itu laksana perisai, melindungi dari seteru, kubu dalaman yang tak mungkin ditembusi oleh sebarang musuh"*.

Tatkala **dunia riuh** dengan krisis mata wang Asia Tenggara, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad melontarkan kata dua yang menggemparkan: menggubal dan melaksanakan peraturan untuk pasaran urus niaga mata wang atau mengharamkan urus niaga tersebut sama sekali.

Kita harus arif untuk menelaah dan memahami maksud tersirat cadangan beliau itu. Bak kata pepatah: **"Kilat di dalam kilau, kabus mengandung hujan"**. Selama ini Bank Dunia dan IMF sentiasa mengesa negara-negara membangun melaksanakan reformasi dan liberalisasi ekonomi. Malaysia merupakan negara membangun yang paling progresif melaksanakan reformasi dan liberalisasi. Tetapi sementara liberalisasi membawa banyak manfaat, ia juga mendedahkan ekonomi kita kepada pasaran antarabangsa yang tidak keruan sifatnya.

Dua dekad lalu, tatkala Malaysia masih lagi negara pengeksport komoditi pertanian seperti getah dan kelapa sawit, kita sering menjadi mangsa kepada ketidaktentuan harga keluaran pertanian di bursa-bursa komoditi antarabangsa. Kini, tatkala kita telah mempelbagai keluaran negara, pendapatan negara terus tidak menentu akibat kelam kabut dalam pasaran pertukaran asing.

Masalah yang dialami oleh negara-negara ASEAN akan berulang kepada negara-negara membangun yang lain sekiranya pasaran pertukaran asing terus tidak menentu. Tidak mungkin negara-negara membangun dapat merancang program menstabil ekonomi makro jika pasaran pertukaran asing **bertiup seperti badai**. Kita dan negara-negara ASEAN menjadi saksi bagaimana **badai di pasaran pertukaran asing mematahkan tiang-tiang bangunan ekonomi yang kita bina**.

Berikutan daripada perkembangan ekonomi dunia dan kegiatan spekulatif yang berlebihan, nilai ringgit telah jatuh merudum daripada paras RM2.50 bagi AS\$1.00. Pada 1 Oktober 1997 kadar pertukaran ringgit ialah RM3.40 bagi AS\$1.00 yang merupakan paras paling rendah dalam tempoh 27 tahun. Bagaimanapun, nilai ringgit telah beransur kukuh kepada RM3.16 bagi AS\$1.00 pada 15 Oktober 1997. Adalah nyata bahawa ringgit sekarang berada di bawah nilai sebenar dan oleh itu, kita menjangka nilai ringgit akan kembali kukuh bagi mencerminkan asas-asas ekonomi yang teguh. Kita yakin dengan asas ekonomi negara dan strategi penyesuaian yang

diperkenalkan. Justeru itu, nilai ringgit dipercayai akan meningkat kembali di sekitar paras asalnya.

Jika kita menerima prinsip bahawa kebebasan dan demokrasi hanya boleh berlaku kalau ada undang-undang dan peraturan, maka begitu juga pasaran. Ia hanya benar-benar bebas apabila ia mempunyai peraturan yang jelas. Begitu pentingnya pasaran pertukaran asing terhadap kestabilan ekonomi dunia maka kita tidak boleh membiarkannya **dinodai oleh segelintir manusia rakus.**

Menyedari bahaya dan pahit ketidaktentuan dalam pergerakan nilai mata wang, saya telah menyusul pendirian Perdana Menteri dengan mengemukakan cadangan di mesyuarat tahunan Bank Dunia dan IMF di Hong Kong, China baru-baru ini, bahawa peranan institusi-institusi Bretton Woods bukan sekadar memastikan pemerintah mematuhi "peraturan antarabangsa" tetapi ia juga perlu memastikan bahawa negara-negara membangun mendapat perlindungan secukupnya dari kesan-kesan negatif akibat liberalisasi ekonomi.

Kementerian Kewangan juga menegaskan bahawa adalah kurang munasabah jika kerajaan sahaja dituntut mematuhi "peraturan antarabangsa" sementara "pelabur dalam pasaran" (*market Players*) dibiarkan melakukan apa sahaja termasuk kegiatan manipulasi matawang di atas nama pasaran bebas. Kedua-dua badan tersebut diminta mengkaji peranan "*hedge funds*" dalam krisis mata wang dan keperluan IMF melaksanakan penyelarasan terhadap pasaran kewangan melalui penubuhan system maklumat perdagangan dunia untuk pasaran pertukaran asing dan menjamin ketelusan dalam kegiatan dana lindung nilai. Ini akan membolehkan pihak-pihak berwajib memerhati dan menyelia kegiatan perdagangan di pasaran dunia.

Dunia minggu lalu, IMF telah memulakan kajian dengan maksud mencadangkan garis panduan untuk memastikan standard dan etika termasuk keperluan "*disclosure*" di kalangan pengurus dana. Semalam perwakilan tertinggi Bank Dunia telah mula berunding di Kuala Lumpur mengenai cadangan Malaysia bagi reformasi pasaran perdagangan mata wang dan mengemukakan pandangan ke arah memperteguh asas ekonomi negara-negara dan mengenakan kaedah amaran awal tentang kehadiran gejala negatif.

Malaysia kini mengambil inisiatif mengemblem sokongan ASEAN dan negara-negara Asia, terutamanya bersama dengan negara-negara membangun lainnya untuk mengemukakan cadangan konkrit dalam menangani permasalahan tersebut. Di samping itu, cadangan mewujudkan dana khas "*Asian Standby Facility*" tajaan bersama ASEAN dan Jepun yang akan beroperasi dengan gandingan IMF bagi membantu negara-negara anggota yang mengalami kegawatan ekonomi yang luar biasa akan turut diteliti. Kemudahan ini akan menggariskan syarat-syarat yang munasabah untuk merangsang reformasi dan pemulihan ekonomi yang terbabit dengan mekanisme pengawasan serantau yang berkesan.

Kita turut mengulangi komitmen kita terhadap liberalisasi ekonomi kepada WTO tetapi kita juga menggesa WTO menjaga kepentingan ekonomi negara berkembang dengan menggubal peraturan bagi mengelak dari sebarang kegiatan merosak ketenteraman pasaran.

Cabaran ekonomi yang kita hadapi masa kini sebahagiannya merupakan manifestasi gejala globalisasi. Globalisasi adalah proses perkembangan dunia dari segi sosial, ekonomi dan politik yang tidak mungkin terbendung lagi. Ia membuka pelbagai kemungkinan dan peluang kepada kita. Kerana itu, kita memainkan peranan aktif dalam forum-forum antarabangsa, termasuk dalam bidang sosial dan ekonomi. Di samping Sukan Komanwel, kita juga akan menjadi tuan rumah kepada beberapa acara antarabangsa yang penting seperti Persidangan G15, Persidangan Ketua-Ketua

Negara ASEAN dan Persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC). Seluruh dunia terbuka kepada kita dan kita mudah menerima modal dan teknologi dari luar yang turut menjana pertumbuhan dan kecanggihan ekonomi Malaysia. Tetapi kita juga menjadi terdedah kepada segala kerehah yang tersirat dalam proses globalisasi itu sendiri. Ekonomi kita berkembar dengan ekonomi-ekonomi lain. **Berombak ekonomi di benua lain, tempiasnya sampai ke negara kita.**

Memanglah semua kegiatan ekonomi itu dikawal oleh tatacara dan peraturan tertentu supaya ia berjalan dengan teratur. Namun begitu, sifat pasaran terbuka itu sendiri tidak sempurna dan justeru itu segala kelemahannya akan dipergunakan secara manipulatif oleh golongan yang tamak haloba. Oleh kerana mata wang kita itu diperniaga di pasaran terbuka, ia akan sentiasa mengalami pusingan surut-naik nilai yang lumrahnya ditentukan oleh kesalingan tinggi-rendah jumlah permintaan dengan tinggi rendah jumlah penawaran.

Kerajaan berani meramalkan "pemulihan" yang agak segera terhadap kerumitan ekonomi yang kita derotai sekarang kerana kita tetap yakin bahawa asas dan struktur ekonomi kita tetap mapan dan utuh – Insya-Allah. Kita juga amat yakin bahawa keutuhan ekonomi dan kestabilan politik yang terjamin akan terus menjadikan Malaysia sebagai pusat pelaburan asing yang menguntungkan.

Akan tetapi tidak mungkin segala tindakan mengawal kemelut ini dapat dilaksanakan dalam keadaan tenang dan berkesan seandainya kerajaan tidak mendapat sokongan padu daripada rakyat dari semua golongan dan lapisan. Tahap ketabahan dan daya tahan rakyat dalam menghadapi ujian demi ujian, gugatan demi gugatan, baik dari segi musibah bencana alam atau kerehah dengki khianat manusia adalah menakjubkan.

Nilai-nilai murni yang menjadi amalan masyarakat kita telah menjamin kestabilan politik dan pentadbiran negara; suatu "khazanah" yang lebih penting daripada kemakmuran ekonomi itu sendiri kerana melalui kestabilan politiklah kita berjaya membina kemakmuran negara. Di atas semua itu, saya bagi pihak kerajaan ingin menyampaikan rasa terima kasih yang tidak terhingga kepada seluruh rakyat dari segenap lapisan dan golongan termasuklah kepada rakan-rakan kita dari parti-parti pembangkang yang telah memberikan sokongan padu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad.

Walaupun begitu, kita perlu sentiasa berhati-hati, berwaspada dan mengingatkan diri kita akan wujudnya golongan-golongan dari luar atau dalam yang tidak suka melihat rakyat bersatu dan negara stabil. Mereka ini lazimnya memakai pelbagai topeng, **sebenar menyokong, sekejap membentak, sekejap menjelma kemudian menghilang.** Mereka bergentayangan di kalangan masyarakat menjadi **seperti dedalu api hinggap ke pohon kayu, hinggap ke batang, batangnya mati, hinggap ke ranting, rantingnya patah.**

Kita juga harus sentiasa mustaid untuk memerangi rasuah. Orang yang menyogok dan menerima rasuah itu melakukannya kerana kepentingan agenda mereka sendiri, agenda tamak haloba untuk mendapatkan kehendak mereka melalui apa cara sekali pun. Mereka ini tak peduli langsung kepada kesan dan akibat tindakan mereka terhadap kepentingan masyarakat dan negara. Rasuah adalah **ibarat bubuk yang memakan tiang seri masyarakat dan negara.** Kalau dibiarkan berleluasa negara akan hancur, masyarakat berkecaj dan Wawasan 2020 tidak kesampaian.

Undang-undang pencegahan rasuah yang kemaskini menetapkan kesalahan rasuah bukan sahaja kepada penerima tetapi juga kepada pemberi rasuah. Undang-undang tersebut juga memberi kuasa yang lebih luas kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR)

untuk melakukan penyiasatan yang lebih teliti dan terperinci. Kerajaan berharap melalui peruntukan undang-undang yang lebih bermakna dan peruntukan kewangan yang lebih besar, BPR akan dapat bergerak dengan lebih cergas dan berkesan. Moga-moga perbuatan keji ini akan dapat dibanteras hingga ke akar umbinya.

Tatkala kita berdepan dengan kesulitan ekonomi kita juga diuji dengan krisis jerebu. Kerajaan amat menghargai kerelaan lebih 1,200 orang anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) pergi berganding bahu dengan rakan-rakan mereka di Indonesia bagi memadam kebakaran. Penghargaan juga kita sampaikan kepada semua pihak termasuk SMART dan TUDM yang secara gigih membantu dalam operasi jerebu. Sebagai tanda penghargaan tersebut kerajaan akan memberi bayaran sagu hati sebanyak RM2,000 seorang kepada mereka yang terlibat dalam operasi di Indonesia.

Semasa kita bergerak memasuki alaf baru kita harus insaf bahawa dunia ini penuh dengan kerencaman. Kita hidup sebagai masyarakat jamak budaya – pelbagai bahasa, pelbagai bangsa, pelbagai agama. Perlu ada sikap tasamuh dan saling faham memahami. Pengalaman jamak budaya di Malaysia seharusnya memberikan kita cukup pengalaman untuk berdepan dengan cabaran kehidupan “*global village*” - perkampungan sejagat. Kita berdagang dan berkongsi perniagaan dengan orang yang berlainan warna kulit dan kepercayaan dan kebudayaan. Janganlah kita sekadar bertukar-tukar barangan, kita juga perlu saling kenal mengenal pengikut prinsip litaiarafu di dalam al-Quran. Dengan ini, bangsa Malaysia akan muncul sebagai bangsa yang bersikap sederhana, tasamuh dan terbuka.

Insya-Allah kita akan menggunakan segala pengalaman dan kebijaksanaan untuk membawa ekonomi iaitu keluar dari kegawatan sekarang. Bahkan kita yakin kalau kita cecal, ekonomi kita akan lebih kukuh, lebih bertenaga di masa akan datang dan bergerak menuju ekonomi matang. Kita berhadapan dengan tahun-tahun yang mencabar dan kita harus bersedia menerima sedikit sebanyak kepayahan. Belanjawan ini mungkin tidak disenangi kerana tidak menyediakan habuan untuk rakyat sementara ada golongan yang akan berasa pahit dengan langkah-langkah tegas untuk mengawal perkembangan kredit dan import. Anggaplah yang pahit itu sebagai ubat. Percayalah, kita memiliki daya dan kekuatan untuk berjaya – asas-asas ekonomi teguh, rakyat bermuafakat dan Kerajaan yang kukuh lagi prihatin. Dan sementara kita melaksanakan langkah-langkah tegas yang dicadangkan dalam Belanjawan ini, kita haruslah bersabar menempuh ujian ini.

“Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar”.

(Al-Baqarah: 155)

Tuan Yang DiPertua, saya mohon mencadang.